

03/10/2003

Tiga MoU ditandatangani di Langkawi semalam

LIMA `03 semalam menyaksikan beberapa memorandum persefahaman (MoU) dan kerjasama strategik dimeterai di antara syarikat tempatan dan rakan kongsi asing mereka.

Majlis di Awana Porto Malai, tempat segmen maritim itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sebelum itu melancarkan Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi.

MoU yang ditandatangani membabitkan anak syarikat Business Focus, PSC Defence Technologies Sdn Bhd dan Bofors Defence AB (Bofors) dari Sweden mengenai kerjasama untuk mengeluarkan peralatan ganti senjata untuk Bofors.

Ini diikuti sebuah lagi anak syarikat Business Focus, PSC Marine Technology Academy Sdn Bhd yang menandatangani MoU menjalin usaha sama dan mengoptimumkan sumber bagi melatih anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan Drastech Corporation Sdn Bhd.

Dr Mahathir turut menyaksikan perjanjian usaha sama strategik yang dimeterai di antara Malaysian Heavy Industry Group Sdn Bhd dan Daewoo Heavy Industries and Machinery dari Korea Selatan untuk mengeluarkan enjin diesel buatan Malaysia bagi kegunaan maritim dan sektor industri.

Hadir sama Pengerusi Eksekutif Business Focus, Tan Sri Amin Shah Omar Shah; Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Anwar Mohd Nor dan Pengerusi Eksekutif HW Lima Sdn Bhd, Tan Sri Abdul Wahab Nawi.

Satu kerjasama strategik dan perjanjian bersama untuk membina 1,000 kapal menangkap ikan pesisir pantai juga ditandatangani antara Penang Shipbuilding and Construction Sdn Bhd, Bonafile Shipbuilders and Repairs Sdn Bhd, Kay Marine Sdn Bhd dan Sin Matu Shipyard Sdn Bhd.

System Consultancy Services (SCS) dari Malaysia dan EADS Deutschland GmbH dari Jerman turut menandatangani MoU untuk memajukan sistem kawalan pertahanan udara.

Majlis turut menyaksikan Jabatan Bomba dan Penyelamat menandatangani surat penerimaan lima unit bot pencegah kebakaran, manakala Kastam Diraja Malaysia (KDRM) menerima dua unit bot laju daripada Destination Marine Services.

Hadir menerima kapal berkenaan ialah Ketua Pengarah KDRM, Tan Sri Abdul Halil Mutalib dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Jaafar Sidek Thamby.

KDRM dan Dawn Enterprise Sdn Bhd juga menandatangani kontrak untuk mereka bentuk, pembinaan dan penyerahan empat unit Interceptor Craft.